



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI

EDISI 1/2024 E-BULETIN

AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI(AKEPT)
JANUARI - APRIL

VISI

Menjadi akademi rujukan utama dalam kepemimpinan pendidikan tinggi

MISI

Membangunkan pemimpin melalui inisiatif kepemimpinan yang holistik ke arah kecemerlangan pendidikan tinggi

TERAS UTAMA


Calibre, Agile & Passion

PERANAN

Menginstitusikan pengurusan bakat kepemimpinan berasaskan kompetensi yang komprehensif

Merancang dan melaksanakan program pembangunan berdasarkan AKEPT Leadership Framework

Mewujudkan platform perkongsian pengetahuan dan menjadi landasan bagi pemikir dalam kepemimpinan pendidikan tinggi



ISI KANDUNGAN

Apakah kekurangan yang anda gemari?	01
DIALOG KEPIMPINAN BERASASKAN KEMANUSIAAN	02
TOP EXECUTIVE PROGRAMME (TEP)	03
SESI KUNJUNGAN YB MENTERI PENDIDIKAN TINGGI KE AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI (AKEPT)	04
PEMERKASAAN KE ARAH PENGUKUHAN MINDA DAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN PEMIMPIN DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI	05
PROGRAM PEMBANGUNAN MODUL TRAINING OF TRAINERS (TOT) (KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL)	06
SESI PENGLIBATAN STRATEGIK AKEPT-UPSI	07
PROGRAM INNOVATION VENTURE AND TECHNOPRENEURSHIP IN EDUCATION (INNOVATE)	08
PENGENALAN KEPADA INSTRUMEN PENILAIAN KENDIRI SIRI 2, KOHOT KETIGA, SESI 2024/2025	09
SESI LIBAT URUS AKEPT BERSAMA PUSAT PENGURUSAN BAKAT DAN LATIHAN (CenTTM) UniSZA	10
SESI KUNJUNGAN HORMAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN BRUNEI DARUSSALAM	11
PROGRAM PROFESSIONAL CHARACTER AND COMPETENCY BUILDING (PROCCB): QALB TOT	12

SESI PENGLIBATAN STRATEGIK AKEPT-UMS	13
PROGRAM ACCELERATED DEAN'S LEADERSHIP (ADeL)	14 - 15
SESI KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI (AKEPT) KEPADA KETUA PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)	16
PROGRAM SUAI TUGAS STRATEGIK LEMBAGA PENGARAH/ GABENOR DAN ANAK SYARIKAT UNIVERSITI AWAM (SoFBoD) TAHUN 2024	17
SESI KUNJUNGAN HORMAT RAZAK SCHOOL OF GOVERNMENT (RSOG) KE AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI (AKEPT)	18
SESI KUNJUNGAN HORMAT INTERNATIONAL GOVERNANCE AND SUSTAINABILITY CENTRE (IGSC) KE AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI (AKEPT)	19
PROGRAM SESI LIBAT URUS AKEPT – PKPK (PROGRAM KERANGKA PENILAIAN KEBERKESANAN LATIHAN) BERSAMA UNIT LATIHAN/ UNIT PENGURUSAN BAKAT UNIVERSITI AWAM 2024	20
PROGRAM PENILAIAN KOMPETENSI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI, AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)	21
TOWN HALL MEETING AN IMPACT EVALUATION OF HIGHER EDUCATION LEADERSHIP ACADEMY (AKEPT), MINISTRY OF HIGHER EDUCATION MALAYSIA	22
PROGRAM LEADERSHIP DEVELOPMENT NEEDS ANALYSIS (LeadDNA) SIRI 2/2024: PEMBANGUNAN KELOMPOK BAKAT INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI NEGARA	23



Pengetahuan berkenaan kekurangan diri merupakan satu kelebihan yang dapat membantu pengembangan sendiri. Salah satu kaedah yang digunakan adalah dengan melakukan penilaian secara objektif. Sejak 2015, Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) telah melaksanakan penilaian Talent Bench Strength (TBS) kepada pemimpin institusi yang dikenal pasti berpotensi tinggi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Oleh yang demikian, AKEPT telah menyahut saranan pihak KPT supaya penilaian calon-calon berpotensi tinggi dilaksanakan lebih awal untuk menyediakan base line penilaian kepimpinan kolam bakat peringkat kedua IPT. Penilaian ini selari dengan keperluan untuk menyokong pelaksanaan pelan penggantian dan pembangunan bakat kepimpinan di IPT.



Tujuan Utama



membina Kumpulan
Bakat Kepimpinan
Pengajian Tinggi

National Top Talent
(NTT)



hasil daripada
penilaian ini telah
menunjukkan ada
keperluan untuk
meningkatkan
kompetensi
kepimpinan NTT

AKEPT mengambil inisiatif untuk mewujudkan kumpulan penilai yang akan membantu sesi penilaian kolam bakat peringkat kedua supaya ia dapat dilakukan secara neutral dan mencapai objektif. Sesi ini juga bertujuan untuk memberi penerangan dan pemahaman berkaitan tugas-tugas penilai disamping perkongsian pandangan bagi menambahbaik proses penilaian.

DIALOG KEPIMPINAN BERASASKAN KEMANUSIAAN

10 JANUARI 2024

AKEPT dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menjayakan program Dialog Kepimpinan Berasaskan Kemanusiaan. Program ini telah dihadiri oleh 155 peserta terdiri daripada pemimpin universiti awan dan swasta serta politeknik dan kolej komuniti.

Sesi dialog ini telah membincangkan mengenai kepentingan penerapan elemen kemanusiaan dan nilai dalam mengelola atau mentadbir agar dapat mewujudkan ekosistem dan persekitaran yang sejahtera secara fizikal, emosi dan rohani. Setiap pemimpin perlu memahami dan menjiwai ciri-ciri untuk menjadi seorang pemimpin yang berpaksikan kemanusiaan, iaitu integriti, akauntabiliti, amanah, adil, terbuka dan berkompeten.

Kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penceramah dan ahli panel iaitu; YBrs. Prof. Dr. Azlinda Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali Pengarah, Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia, (MINDA-UKM), Puan Shariah Nelly Francis, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Petronas, YBhg. Datin Dr. Masdiana Sulaiman Ketua Inovasi – Web 3.0 dan Metaverse Celcom Digi Berhad, dan moderator Tuan Haji Nazri Kahar, Editor Kanan Astro Awani.



TOP EXECUTIVE PROGRAMME (TEP)

10 JANUARI 2024

AKEPT dengan kerjasama Universiti Malaya (UM) telah berjaya menganjurkan Top Executive Programme (TEP) Kohort 3 (Siri 3) pada 10 Januari 2024 (Rabu) di Kuala Lumpur yang melibatkan seramai 32 orang peserta dalam kalangan Pengurus Sumber Manusia/ Pendaftar dan Pengurus Kewangan/ Bendahari di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

Dalam siri ini, peserta Program TEP Kohort 3 diminta untuk membentangkan projek/ aktiviti yang menjamin kemampanan kewangan dan tadbir urus yang berkesan bagi institusi masing-masing. Sebanyak 20 kumpulan telah membuat pembentangan di hadapan panel penilai yang berkaliber.



SESI KUNJUNGAN YB MENTERI PENDIDIKAN TINGGI KE AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI (AKEPT)

29 JANUARI 2024

AKEPT berbesar hati menerima kunjungan YB Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir ke Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) diiringi oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud, YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) dan Encik Mohamad Azhan bin Md. Amir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) dan disambut oleh YBrs. Prof. Dr Harshita Aini binti Haroon, Pengarah AKEPT.



Sesi kunjungan ini merupakan platform untuk pihak AKEPT memberi pengenalan kepada YB Menteri Pendidikan Tinggi berkenaan fungsi dan peranan AKEPT sebagai sebuah institusi latihan di bawah KPT.

YB Menteri Pendidikan Tinggi telah menzahirkan hasrat beliau supaya peranan AKEPT sebagai sebuah institusi latihan diperluas dan diperkasa hingga ke peringkat global. Beliau juga menyarankan pihak AKEPT untuk meneroka jalinan kerjasama dengan pihak-pihak yang berpotensi dari dalam dan luar negara bagi sebagai usaha memperkukuh peranan AKEPT dalam membangun bakat nasional.



PEMERKASAAN KE ARAH PENGUKUHAN MINDA DAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN PEMIMPIN DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

31 JANUARI 2024



AKEPT dengan Kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menjayakan program Pemerksaan ke Arah Pengukuhan Minda dan Kemahiran Keusahawanan Pemimpin di Institusi Pendidikan Tinggi pada 31 Januari 2024 yang lalu. Seramai 100 peserta daripada pelbagai universiti dan institusi telah menyertai program ini.

Program ini merupakan salah satu platform perkongsian untuk membuka dan mengukuhkan minda pemimpin institusi dalam konteks keusahawanan selari dan seterusnya memacu penjaan hasil institusi masing-masing. Pengukuhan dalam aspek keusahawanan dalam ekosistem pendidikan adalah penting untuk melahirkan generasi yang kreatif, inovatif, dan bersedia untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara melalui bidang keusahawanan.

Kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penceramah dan ahli panel iaitu; YBhg. Prof. Dato' Dr. Khairanum Subari, Profesor Universiti Kuala Lumpur Business School, Tuan Syed Uzair Syed Othman, Federal Land Development Authority (FELDA), Puan Siti Sarlina Abd Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Trans Resources Corporation Sdn Bhd, YBr. Ustaz Dr. Abdullah Abdol Razak, Ketua Pegawai Eksekutif Heblun Sdn Bhd, Puan Norazlin Hj Abdul Jalil, Felo Bersekutu Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business, UUM KL dan YBr. Prof. Madya Dr. Hisham Dzakiria, Mentor/Jurulatih NLP Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah UUM.



PROGRAM PEMBANGUNAN MODUL TRAINING OF TRAINERS (TOT) (KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL)

28 - 30 JANUARI 2024



Program Pembangunan Modul Training of Trainers (TOT) (Kepimpinan Instruksional) yang berlangsung dari 28 hingga 30 Januari 2024 di AKEPT telah mencapai matlamat asas dalam pembinaan kapasiti dalam pengembangan modul pendidikan. Dengan penyertaan 30 orang pembangun modul TOT yang merupakan pakar dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, mereka memainkan peranan penting sebagai individu yang mencipta dan memperkukuhkan modul bagi program ini.

Terima kasih kepada semua pembangun modul TOT yang telah menyertai dan memberikan maklum balas yang berharga memainkan peranan penting sebagai individu yang mencipta dan memperkukuhkan modul bagi program ini.



**Bagaimana untuk menjadi
universiti luar biasa hebat?**

Persoalan ini merupakan antara perkongsian yang amat bermakna dari YBhg. Profesor Dato' Dr. Md Amin bin Md Taff, Naib Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bersama dengan barisan kepimpinan tertinggi, kepada delegasi AKEPT yang hadir pada hari ini. Antara perkara menarik lain yang dibincangkan dan membuka perspektif baharu kepada usaha AKEPT bersama UPSI adalah cadangan untuk memperkasa pengurusan bakat agar dapat membantu menyediakan barisan kepimpinan yang hebat dari sudut nilai, sahsiah, mentaliti dan kompetensi. Ini termasuk usaha-usaha yang boleh digarap dalam membantu universiti awam memurnikan sumbangan akademik dan pentadbir yang pelbagai untuk institusi, masyarakat dan negara, disulami pembangunan seimbang di antara kemajuan diri dan pemegang taruh institusi.

Dalam sesi libat urus ini juga, delegasi AKEPT sempat menyantuni sebahagian warga UPSI yang terdiri dari bakat-bakat muda yang berpotensi untuk digilap menjadi permata negara yang bersinar yang bakal menjadi pelapis barisan kepimpinan institusi pendidikan tinggi negara pada masa hadapan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada YBhg. Profesor Dato' Dr. Md Amin bin Md Taff, Naib Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan seluruh warga UPSI di atas perkongsian yang penuh manfaat ini. AKEPT menyambut baik cadangan dan hasrat yang diutarakan dan akan berusaha sebaiknya untuk membantu UPSI mencapai hasrat yang mendukung agenda kebangsaan dan mewarnai ekosistem pendidikan tinggi negara.



PROGRAM INNOVATION VENTURE AND TECHNOPRENEURSHIP IN EDUCATION (INNOVATE) 2 - 4 FEBRUARI 2024

AKEPT dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) telah berjaya menganjurkan Program Innovation Venture And Technopreneurship In Education (INNOVATE) 2024 pada 2 hingga 4 Februari 2024 (Jumaat - Ahad) di AKEPT yang melibatkan seramai 90 orang peserta dalam kalangan Pengurusan Inovasi IPT, Anak Syarikat Universiti Awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).

Program ini menawarkan serangkaian latihan dan bengkel yang membincangkan aspek Pembudayaan Inovasi, Pengkomersialan dan Technopreneurship, yang mendapat maklum balas positif daripada peserta. Tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat menjayakan program ini.



Mengapa pemetaan kompetensi itu penting?

Pemetaan kompetensi penting untuk membantu mengenal pasti jurang kemahiran, penyesuaian intervensi pembangunan dan latihan, elemen peningkatan prestasi, sokongan perancangan penggantian dan pembangunan kerjaya serta membantu dalam pembuatan keputusan strategik.

Untuk pemahaman yang lebih mendalam, para peserta telah didedahkan kepada kupasan tentang bagaimana untuk mentakrif tingkah laku dan kecekapan, menerangkan konsep dan tujuan profil kecekapan.

Perbincangan juga tertumpu kepada peranan analisis kerja dalam pemprofilan kecekapan dan pemetaan kompetensi melalui semakan serta pengenalanpastian hubungkait di antara kecekapan profil kepada rangka kerja kompetensi.

AKEPT selaku akademi latihan kepada warga pendidikan tinggi komited untuk melahirkan bakat-bakat dalaman yang mahir dan hebat dalam pengurusan bakat berasaskan kompetensi serta melahirkan penilai-penilai bertauliah yang bakal menjadi agen perubahan yang akan membantu institusi pendidikan tinggi khususnya universiti awam melaksanakan pengurusan dan pembangunan bakat kepimpinan secara sendiri di universiti mengikut keperluan dan acuan masing-masing.



Semoga usaha murni seperti ini akan dapat memberi manfaat kepada semua yang terlibat dan seterusnya memperkasa kepimpinan pendidikan tinggi negara mendepani cabaran di masa hadapan.

Tidak lupa, jutaan terima kasih diucapkan kepada pasukan fasilitator dan urus setia dari UUM yang berganding bahu bersama AKEPT menjayakan program ini.



SESI LIBAT URUS AKEPT BERSAMA PUSAT PENGURUSAN BAKAT DAN LATIHAN (CENTTM) UNISZA

13 FEBRUARI 2024

Sesi Libat Urus AKEPT bersama Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan (CentTM), UniSZA. Selain berkenalan dengan wajah baharu Pengarah CentTM iaitu YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Shafiee bin Hamzah, YBrs. Prof. Madya Dr. Zunaidah binti Sulong (Timbalan Pengarah Bakat) serta Puan Rosliza binti Abdul Razak (Timbalan Pengarah Latihan), AKEPT telah bersetuju untuk bekerjasama dengan pihak UniSZA dalam memperkasa bakat kepimpinan institusi tersebut seiring dengan 5 fokus utama KPT Tahun 2024 sebagaimana yang digariskan YB Menteri Pendidikan Tinggi dalam Landasan Hala Tuju KPT pada 12 Januari 2024, khususnya dalam penyediaan bakat terbaik negara.



Semoga kerjasama strategik ini terus diperkukuh seterusnya menyumbang kepada pembangunan bakat kepimpinan yang mampan di peringkat nasional dan antarabangsa.



SESI KUNJUNGAN HORMAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN BRUNEI DARUSSALAM

14 FEBRUARI 2024

Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) amat berbesar hati menerima kunjungan hormat Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam di Kementerian Pendidikan Tinggi, Malaysia. Sesi kunjungan ini bertujuan untuk berdiskusi berkenaan penglibatan AKEPT sebagai penasihat dalam membina rangka kerja kompetensi bagi Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam. AKEPT sangat teruja untuk berkongsi kepakaran dan kemahiran bagi menjayakan projek ini.



Setinggi tinggi terima kasih diucapkan kepada; Yang Mulia Dr. Haji Azman bin Ahmad (Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)) Kementerian Pendidikan Brunei, Puan Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee (Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan) Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Brunei, YBr. Dr. Tang Shi Siong (Pegawai Pelajaran Kanan (Teknikal)), Encik Muhammad Sufi bin Hasmi (Pegawai Pelajaran Kanan), Puan Megawati Karim (Penolong Pengarah Pengajian) Jabatan Pendidikan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam, Putrajaya, Puan Rosdiana binti Tengah, Atase Pendidikan.



Semoga dengan jalinan kerjasama ini akan dapat merapatkan hubungan dua hala kedua-dua kementerian secara khasnya dan kedua-dua negara secara amnya.



PROGRAM PROFESSIONAL CHARACTER AND COMPETENCY BUILDING (PROCCB): QALB TOT

20 - 22 FEBRUARI 2024



Program Professional Character and Competency Building (ProCCB): Qalb TOT yang berlangsung dari 20 hingga 22 Februari 2024 di Kem Kongkoi, Titi, Negeri Sembilan telah menarik sebanyak 33 orang peserta daripada Program QALB AKEPT. Program ini bertujuan untuk mewujudkan platform perkongsian pengetahuan kepimpinan antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) serta memperdalam pengetahuan berkaitan Qalb Leadership.



Peserta memberikan maklum balas positif terhadap variasi aktiviti yang disediakan. Harapkan para peserta dapat berkongsi ilmu yang ditimba daripada perkongsian program ini dan dapat mengambil idea terbaik untuk penambahbaikan dan mengaplikasikan Qalb Leadership di institusi masing-masing. Tahniah diucapkan kepada peserta dan para panel yang terlibat!

SESI PENGLIBATAN STRATEGIK AKEPT-UMS

4 MAC 2024

Siri Penglibatan Strategik AKEPT bagi tahun 2024 diteruskan dengan kunjungan hormat AKEPT ke Pejabat Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan sesi libat urus AKEPT bersama Pejabat Pendaftar serta barisan bakat muda UMS. Antara perkongsian dan perbincangan pada kali ini berkisar kepada kecemerlangan pengurusan bakat, pengemaskinian data pemprofilan, proses kerja yang terlibat, latihan dan usaha ke arah kelestarian bakat secara keseluruhan di peringkat institusi dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta latihan pembangunan dan pelaksanaan pelan penggantian UMS. AKEPT amat berpuas hati dengan usaha dan komitmen yang dilaksanakan oleh Universiti Malaysia Sabah dalam usaha mereka memperkasa pengurusan dan pembangunan bakat sebagaimana yang dihasratkan di peringkat nasional.

Dalam sesi libat urus ini juga, delegasi AKEPT sempat menyantuni sebahagian warga UMS yang terdiri dari 80 orang bakat muda yang begitu bersemangat mengutarakan soalan dan berkongsi pandangan bersama delegasi AKEPT berkenaan potensi kemahiran dan juga kepimpinan dalam konteks UMS dan juga di peringkat nasional demi kepentingan dan manfaat institusi pendidikan tinggi negara.



AKEPT amat menghargai keunikan di setiap UA dan meraikan perkongsian ilmu pengetahuan dan amalan baik sesama rakan UA.

Sehubungan itu, AKEPT juga menyambut baik saranan dan sedang berusaha untuk mewujudkan hub atau satelit AKEPT sebagaimana dihasratkan oleh UMS. Cadangan ini juga turut diutarakan oleh UNISZA semasa lawatan kerja yang didakan di AKEPT pada 13 Februari yang lalu.



PROGRAM ACCELERATED DEAN'S LEADERSHIP (ADeL)

SIRI 1 : 19 - 21 JANUARI 2024

SIRI 2 : 5 - 7 MAC 2024

AKEPT dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menganjurkan Program Accelerated Dean's Leadership (ADeL) Siri 1 yang berlangsung pada 19 hingga 21 Januari 2024 dan siri kedua pada 5 hingga 7 Mac 2024 di AKEPT yang melibatkan seramai 38 orang dekan, pengarah, timbalan dekan, dan timbalan pengarah daripada pelbagai institusi.

Tujuan program ini adalah untuk membangunkan bakat-bakat terbaik agar peserta dapat memimpin Fakulti/ Jabatan masing-masing dengan cemerlang. Di samping itu, peserta juga dapat beri pendedahan awal sekiranya disenaraikan dalam kelompok bakat bagi menerajui kepimpinan UA.



Terima kasih kepada semua peserta yang telah aktif menyertai dan memberikan maklum balas yang bermanfaat. Kami berkomitmen untuk terus meningkatkan kualiti Program ADeL berdasarkan input yang diterima dan kami berharap untuk melihat semua peserta di Siri 3 yang akan datang pada 6 hingga 7 Mei 2024 di AKEPT.





Jutaan terima kasih diucapkan kepada YBhg. Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor, Naib Canselor UMS, YBrs. Encik Luqman Ridha Anwar, Pendaftar UMS serta seluruh pasukan UMS di atas kerjasama, layanan dan hospitaliti yang telah diberikan sepanjang sesi kunjungan AKEPT pada kali ini. AKEPT juga amat menyanjung budi baik dan jasa UMS yang banyak membantu AKEPT dan Kementerian dalam memperkemas usaha-usaha berkaitan pengurusan data dan juga sistem bersepadu Unilead. Semoga usaha seperti ini akan dapat memberi manfaat yang berterusan kepada kedua-dua belah pihak dan seterusnya seluruh ekosistem pengurusan bakat pendidikan tinggi negara.

SESI KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI (AKEPT) KEPADA KETUA PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)

11 MAC 2024



Delegasi yang diketuai oleh YBr. Prof. Dr. Harshita Aini binti Haroon, Pengarah AKEPT telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBr. Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail, Ketua Pengarah JPPKK di Ibu Pejabat JPPKK, Putrajaya. Antara perkara yang dibincangkan dalam sesi kunjungan hormat ini adalah keperluan latihan bagi peningkatan kompetensi kepimpinan Pegawai JPPKK dan cadangan kolaborasi baharu antara AKEPT dengan JPPKK yang akan dilaksanakan pada masa akan datang. Hasil daripada sesi kunjungan hormat ini dilihat dapat mengukuhkan lagi kerjasama antara Jabatan/ Agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) selaras dengan visi dan misi KPT.



**PROGRAM SUAI TUGAS STRATEGIK LEMBAGA
PENGARAH/ GABENOR DAN ANAK SYARIKAT UNIVERSITI
AWAM (SOFBOD) TAHUN 2024**
14 MAC 2024

Program Suai Tugas Strategik Lembaga Pengarah/ Gabenor dan Anak Syarikat Universiti Awam (SOFBOD) Tahun 2024 telah berlangsung pada 14 Mac 2024 di World Trade Centre Kuala Lumpur (WTC KL) dengan kehadiran sebanyak 183 orang peserta daripada kalangan Ahli Lembaga Pengarah/Gabenor dan Anak Syarikat UA.

Program ini dianjurkan dengan tujuan memahami dan menangani perubahan dalam pendidikan tinggi yang berfokus pada peranan penting Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk meningkatkan kecemerlangan universiti. Pada kesempatan ini, Bahagian Pembangunan KPT telah melancarkan Buku Garis Panduan Pelaburan dan Pembiayaan oleh Universiti Awam Tahun 2024 juga mendapat sambutan yang baik, menunjukkan kepentingan sumber maklumat ini dalam membantu LPU membuat keputusan yang tepat.



SESI KUNJUNGAN HORMAT RAZAK SCHOOL OF GOVERNMENT (RSOG) KE AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI (AKEPT)

25 MAC 2024



Delegasi yang diketuai oleh YBrs. Dr. Hj. Mohamad Kamal Hj. Harun, Ketua Eksekutif, Razak School of Government (RSOG) telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBrs. Prof. Dr. Harshita Aini binti Haroon, Pengarah AKEPT di AKEPT, Negeri Sembilan. Perkara yang dibincangkan dalam sesi kunjungan hormat ini adalah cadangan kolaborasi antara AKEPT dan RSOG yang dapat memantapkan kepimpinan dalam ekosistem pendidikan tinggi negara.



**SESI KUNJUNGAN HORMAT INTERNATIONAL GOVERNANCE
AND SUSTAINABILITY CENTRE (IGSC) KE AKADEMI KEPIMPINAN
PENDIDIKAN TINGGI (AKEPT)**
28 MAC 2024



Delegasi International Governance and Sustainability Centre (IGSC) yang diketuai oleh Encik Masdi Mustapha, Panel Pakar IGSC telah mengadakan kunjungan hormat kepada ke AKEPT dan seterusnya membincangkan potensi kerjasama antara AKEPT dan IGSC dalam bidang Environment, Social and Governance (ESG) bagi Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Peluang kerjasama ini dilihat dapat memperkukuhkan lagi IPT dalam menjaga alam sekitar, mengharmonikan hubungan sosial dan melaksanakan tadbir urus yang baik.

PROGRAM SESI LIBAT URUS AKEPT – PKPK (PROGRAM KERANGKA PENILAIAN KEBERKESANAN LATIHAN) BERSAMA UNIT LATIHAN/ UNIT PENGURUSAN BAKAT UNIVERSITI AWAM 2024
4 APRIL 2024



Program AKEPT – PKPK yang telah diadakan pada 4 April 2024 di Hotel Tenera, Bangi telah menarik 37 orang peserta daripada Unit Bakat/ Unit Latihan UA. Acara ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada penyedia latihan/ bakat Universiti Awam mengenai Garis Panduan Keberkesanan Latihan, dengan fokus pada memastikan impak latihan mencapai objektif yang disasarkan dan selari dengan matlamat AKEPT dalam penyediaan kumpulan bakat terbaik UA.

Terima kasih diucapkan kepada para peserta yang telah menyertai program ini dengan perkongsian-perkongsian yang dapat membantu dalam memberi pendedahan kepada penyedia latihan/ bakat Universiti Awam mengenai Garis Panduan Keberkesanan Latihan. Tidak lupa juga kepada panel-panel yang telah berkongsi pendapat dalam penambahbaikan keberkesanan latihan di IPT.

Program ini telah berlangsung pada 22 dan 23 April 2024 melibatkan seramai 8 orang calon yang berpotensi tinggi yang telah dicalon oleh universiti awam (UA) dan yang dikenal pasti oleh AKEPT untuk mengikuti program penilaian kompetensi kepimpinan AKEPT. Calon-calun yang hadir adalah dari UMT, UIAM, UPNM, USIM, UPM, UTEM dan UNIMAP.

AKEPT telah melantik pakar-pakar yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang kepimpinan institusi untuk menjalankan penilaian dengan menggunakan instrumen Behavioural Event Interview dan Strategic Paper Presentation.

Tujuan utama program ini adalah untuk menyediakan data dan maklumat yang akan membantu AKEPT dalam pengurusan dan pembangunan bakat berasaskan kompetensi (Competency-Based Talent Management) dan seterusnya akan menyokong inisiatif KPT untuk memantapkan lagi pengurusan dan pembangunan bakat institusi pendidikan tinggi negara.

AKEPT mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua calon dan panel yang membantu menjayakan program ini.

TOWN HALL MEETING | AN IMPACT EVALUATION OF HIGHER EDUCATION LEADERSHIP ACADEMY (AKEPT), MINISTRY OF HIGHER EDUCATION MALAYSIA

22 APRIL 2024

Universiti Nottingham Malaysia (UNM) telah menganjurkan sesi libat urus sebagai sebahagian daripada kajian mengenai Penilaian Impak Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia pada 22 April 2024. Sesi ini telah dihadiri oleh pakar-pakar dari institusi pendidikan tinggi. Sesi libat urus ini turut dihadiri oleh Dr. Hj. Mohamad Kamal Hj. Harun FASc, Ketua Pegawai Eksekutif, Razak School of Government, Prof. Dato' Dr. Md Amin Bin Md Taff, Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris, and Mr. Kabenesh Eliathamby, Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Institute of Management (MIM).

Semasa sesi ini perbincangan yang menyeluruh dan mendalam mengenai cabaran dan trend masa hadapan yang telah dikenal pasti semasa kajian dijalankan. Ini termasuk isu berkaitan pengiktirafan AKEPT di peringkat global yang terhad, kekangan kerangka tata kelola, mengoptimalkan penggunaan teknologi digital, serta mengadakan jaringan dan jangkauan global. Percambahan idea dan maklum balas daripada semua peserta sesi libat urus telah diambil maklum. Semasa sesi perbincangan panel, barisan panel yang terdiri daripada



Prof. Dr. Harshita Aini Haroon, Pengarah AKEPT, Prof. Dato' Dr. Md. Amin bin Md. Taf, Naib Canselor UPSI dan Asst. Prof. Dr. Romyen Kosaikanont, Pengarah SEAMEO-RIHED telah membincangkan kekuatan dan kelebihan AKEPT serta peluang bagi AKEPT untuk memainkan peranan yang penting di peringkat serantau dalam pembangunan kepimpinan pendidikan tinggi.

AKEPT ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada pakar-pakar yang hadir semasa sesi libat urus ini. Semoga sesi ini dapat memberi manfaat dan menyumbang kepada penambahbaikan tadbir urus pendidikan tinggi, menilai peranannya dalam membangunkan kemahiran kepimpinan.



PROGRAM LEADERSHIP DEVELOPMENT NEEDS ANALYSIS (LeadDNA)
SIRI 2/2024: PEMBANGUNAN KELOMPOK BAKAT INSTITUSI
PENDIDIKAN TINGGI NEGARA
 25 - 27 APRIL 2024

Program Leadership Needs Analysis (LeadDNA) Siri 2/2024 anjuran Pusat Pengurusan Bakat (Centre for Talent Management, CeTM) AKEPT, diadakan di AKEPT, Bandar Enstek pada 25 - 27 April 2024 merupakan program yang bertujuan untuk membantu institusi pendidikan tinggi negara menilai kompetensi kepimpinan bakat-bakat berpotensi tinggi yang telah dikenalpasti oleh institusi masing-masing. Penilaian yang dilakukan adalah berdasarkan Model Kompetensi Kepimpinan AKEPT.




Leadership Needs Analysis (LeadDNA) adalah merupakan instrumen yang digunakan oleh AKEPT untuk membina kolam bakat di peringkat awal universiti awam selaras dengan tanggungjawab daripada Kementerian Pendidikan Tinggi kepada AKEPT untuk memperkasakan pelan penggantian universiti awam.



Seramai 40 orang peserta dari universiti awam menghadiri program yang dianjurkan dengan konsep bengkel bagi membantu semua peserta menjalani program penilaian ini. Program ini dibantu oleh 8 orang barisan fasilitator yang bertauliah yang telah mengikuti 2 program pensijilan AKEPT iaitu Talent Management of Excellence (TaME) dengan kerjasama UMPSA dan Competency Based Instrument: Leadership Needs Analysis (ComBlne: LeadDNA) dengan kerjasama UUM.



Manfaat yang akan diperolehi oleh peserta di dalam program ini adalah kefahaman konsep pengurusan bakat berdasarkan kompetensi dan peserta dapat mengenal pasti kompetensi kepimpinan sendiri. Peserta akan disediakan dengan satu (1) kad laporan penilaian setelah peserta memenuhi kriteria penilaian program ini.



Shaping Minds, Building Leaders